



SOALAN LAZIM (FAQ'S)

BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

BILANGAN 5

- 1. Adakah ujian spirometri masih perlu dijalankan ketika pandemik COVID-19 bagi memenuhi keperluan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan misalnya bagi pemeriksaan kelayakan kesihatan bekerja di ruang terkurung?**

Ujian spirometri yang bersifat rutin bagi penentuan tahap kesihatan untuk memenuhi kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dinasihatkan untuk **ditangguhkan** sehingga suatu tempoh yang akan dimaklumkan kelak bagi mengurangkan risiko penularan penyakit tersebut melainkan jika terdapat keperluan klinikal. Para Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) boleh menggunakan maklumat daripada pemeriksaan fizikal bahagian dada dan ujian lain yang boleh membantu dalam membuat keputusan tahap kesihatan pekerja untuk melakukan kerja berkenaan.

- 2. Adakah majikan atau syarikat perlu menggunakan alat pengukuran suhu (thermometer) yang berdaftar dengan Medical Device Authority untuk pengambilan suhu harian di tempat kerja?**

Majikan atau pihak syarikat **disarankan** untuk membeli atau menggunakan alat pengimbas suhu badan (thermometer) yang telah didaftarkan dengan pihak Medical Device Authority/ Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), selaras dengan keperluan pendaftaran peranti perubatan tersebut bawah

Akta Peranti Perubatan 2012 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Walau bagaimanapun, pihak MDA telah memberi pengecualian pendaftaran terhadap pendaftaran peranti perubatan termasuk pengimbas suhu badan bagi pengesanan dan rawatan penyakit COVID-19 untuk kuantiti dan tempoh yang terhad. Oleh itu, majikan masih perlu memastikan pengimbas suhu badan yang ingin digunakan memenuhi keperluan pengecualian pendaftaran MDA tersebut bagi memastikan alat yang digunakan selamat dan dapat melakukan pengukuran suhu yang lebih tepat sesuai dengan tujuan penggunaannya.

Untuk keterangan lanjut sila layari pautan berikut:

1. Pengumuman Rasmi MDA Berkenaan Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh (Non-Contact Infrared Thermometers)

<https://www.mda.gov.my/announcement/558-kenyataan-akhbar-pengimbas-suhu-infrared-tanpa-sentuh-non-contact-infrared-thermometers.html>

2. Semakan bagi peralatan perubatan yang berdaftar dengan MDA

<https://mmdr.mda.gov.my/public/index.php>

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

25 JUN 2020